

29 JUL 1996

Pilihan raya (Fokus Berita)

BOLEHKAH SARAWAK BENTUK KERAJAAN PADA HARI PENAMAAN?

Oleh: Amer Hamzah Matsap

KUCHING, 29 Julai (Bernama) -- Tidak mustahil bagi Barisan Nasional (BN) membentuk kerajaan pada hari penamaan calon apabila pilihan raya negeri Sarawak, yang dijadualkan tahun ini, berlangsung nanti, kata para pemerhati politik di sini.

Spekulasi mereka berdasarkan pelbagai faktor termasuk ketiadaan isu besar yang boleh diperalatkan oleh pembangkang dan sokongan jitu rakyat kepada BN khususnya orang Melayu/Melanau atau Islam kepada Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB) Sarawak.

Ramalan mereka juga berdasarkan prestasi BN memenangi tanpa bertanding sembilan daripada 27 kerusi parlimen pada hari penamaan calon Pilihan Raya Umum 1995 (pilihan raya Parlimen di Sarawak).

Kemenangan itu sekaligus membantu memberikan laluan selesa kepada BN pusat membentuk kerajaan, kata mereka.

BN Sarawak kini menguasai kesemua 56 kerusi Undangan Negeri dengan 27 kerusi dipegang PBB, Parti Rakyat Bersatu Sarawak (SUPP) 16, Parti Kebangsaan Sarawak (SNAP), enam, dan Parti Bansa Dayak Sarawak (PBDS), tujuh.

Pada Sabtu lepas, Ketua Menteri Sarawak Tan Sri Abdul Taib Mahmud berkata beliau akan hanya mengumumkan pembubaran Dewan Undangan Negeri untuk membolehkan pilihan raya negeri diadakan selepas berbincang dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini bulan depan.

Dr Mahathir dijadualkan melakukan lawatan rasmi dua hari ke Sarawak pada 7 dan 8 Ogos ini.

Taib perlu mengumumkan pembubaran Dewan Undangan Negeri selewat-lewatnya 28 Nov ini bagi membolehkan pilihan raya negeri diadakan dalam tempoh 60 hari selepas itu.

Bagi pilihan raya negeri akan datang, enam lagi kerusi baru akan ditambah menjadikan jumlah kawasan pilihan raya negeri kepada 62 kesemuanya. PBB dijangka diperuntukkan tiga kawasan baru, SUPP dan PBDS masing-masing tambahan satu kerusi baru.

Para pemerhati politik berkata jika pada pilihan raya negeri 1991, PBDS merupakan satu-satunya pembangkang yang dapat menggugat BN dan kini parti itu adalah anggota komponen BN negeri yang bersama-sama akan memastikan kemenangan BN.

Para pemerhati politik berkata kalau pun ada tentangan terhadap BN, ia akan datang daripada Parti Negara dan DAP.

Tetapi, para pemerhati politik berkata, Parti Negara kini tinggal nama sahaja malahan "tidak lagi kedengaran hidup atau matinya". Parti itu tidak menampilkan sebarang calon pada pilihan raya Parlimen lepas.

Hanya DAP boleh memberi tentangan kepada BN negeri selain calon-calon bebas, kata mereka.

DAP yang menerima tamparan hebat pada pilihan raya negeri 1991 dan pilihan raya Parlimen lepas, berkemungkinan hanya memberi tumpuan di empat kawasan di sini, kata para pemerhati politik.

Dalam konteks ini mereka meramalkan hanya SNAP dan SUPP mungkin menghadapi sedikit kejutan untuk mempertahankan kerusi mereka.

"Sedangkan calon-calon parti komponen BN yang lain hanya perlu pergi mendaftar pada hari pencalonan," kata seorang pemerhati politik.

Pemerhati politik yang sama berkata: "Orang Melayu/Melanau atau Islam di negeri ini sememangnya jitu di belakang PBB.

"Dan jika tiada pengacau di kalangan mereka yang ingin mencuba nasib

sebagai calon bebas, kemungkinan kesemua 62 kerusi itu boleh dimenangi BN tanpa bertanding," katanya.

Malahan sebagai sumbangan dari SUPP pula, jika ia menang tanpa bertanding sekurang-kurangnya separuh kerusi yang bakal ditandingi -- 16 kerusi sedia ada dan kemungkinan tambahan satu kawasan baru -- jumlah itu sudah cukup untuk membolehkan kerajaan negeri ditubuhkan pada hari penamaan calon, kata para pemerhati politik.

Mereka turut meramalkan bahawa PBDS yang telah mempunyai tujuh kerusi dan kemungkinan diperuntukkan satu kerusi tambahan, juga berupaya memberikan kerusi menang tanpa bertanding pada pilihan raya kali ini. --
BERNAMA

AHM RN NAK